

**KEBERKESANAN PERUMAHAN BANTU DIRI
DI SKIM PENEMPATAN SEMULA NELAYAN
TANJUNG DAWAI, KEDAH**

Oleh

ATAN BIN SHAARI

Diajukan kepada
**Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-syarat Bagi Mendapat Gelaran**

IJAZAH SARJANA SAINS PERUMAHAN

Mac 2000

ABSTRACT

Much have been said and done to overcome the problem of housing particularly at urban area. The theory of self-help housing has always link which other relevant programmes such as sites and services. In Kedah, one of the programme is The Resettlement Scheme for the fishermen. The combination of both factors in this scheme is not affected for the fishermen to build their own house by the scheme of self-help housing. The theory has not been proved yet.

This research is aim to analyse the performance of self-help housing focusing on the element such as the affordability, building skills, minimum standard and the government function.

The methodological approach of this research is devided in two main parts. Firstly the secondary sources were obtain on reference books and information from the housing department such as Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Mean while the primary data was done through the questionnaire on the participants of the study area.

The result of the analysis shows that the element of affordability is one of the main factor determined the self-help housing. In term of building skill, the household are only at the stage of capable on build traditional housing level based on the current needed. Besides, the design and the building process is still under the minimum standard.

The implication of the finding mainly indicates that the providence of the sites and basic services are not influence the success of self-help housing because the three different element which they have. For the standard future planning the government and private sectors must be pro-active in their functions to overcome the problem of the housing scheme and to achieve the goal.

The important aspect is to emphasize on humanize development rather than basically physical approach.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH SWT YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI Syukur Alhamdulillah ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah hidayahNya membawa kepada kejayaan saya dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

Di sini saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia pertama saya Dr. Julaihi bin Wahid dan penyelia kedua saya Dr. Ku Azhar bin Ku Hassan yang telah banyak memberi nasihat, dorongan dan galakan dalam menyediakan kajian ilmiah ini.

Penghargaan ini juga adalah untuk pegawai-pegawai daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Lumpur, Pengurus Persatuan Nelayan Kuala Muda Yan yang telah banyak memberi kerjasama sewaktu kajiselidik ini dibuat. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada sahabat-sahabat saya iaitu Ibrahim bin Hj Abd. Aziz, Hafiz bin Mohd. Zain, Roslan bin Mansur dan Cik Latifah di dalam memberi bantuan dan sokongan moral untuk saya menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat isteri, Hasliza bt Abu Hasan dan anak-anak saya iaitu Muhammad Ameer Firdaus, Muhammad Farris Sayyidi dan Laila Syuhada yang merupakan sumber inspirasi terhadap penyediaan kajian ilmiah ini. Tanpa pengorbanan kalian tidak ada kejayaan yang dikecapi. Untuk penyelia dan sahabat-sahabat saya segala budi baik akan dikenang juga, hanya ALLAH SWT jua yang akan membalasnya.

Mac, 2000 (ATAN BIN SHAARI)

ISI KANDUNGAN

Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual /Senarai Rajah	xi
Senarai Kata Singkatan	xiii

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN	1
1.2 KEPERLUAN PERUMAHAN – KETIDAKUPAYAAN SEKTOR FORMAL	
MEMENUHI PERMINTAAN PERUMAHAN	3
1.2.1 Rekod Pencapaian Sektor Awam	4
1.2.2 Rekod Pencapaian Sektor Swasta	5
1.3 KEPERLUAN PERUMAHAN-PERUMAHAN BANTU DIRI – SUATU PENDEKATAN	8
1.3.1 Penempatan Spontan – Suatu Perubahan	8
1.3.2 Perumahan Bantu Diri Dari Aspek Konsep	9
1.4 ISU-ISU PERUMAHAN BANTU DIRI	14
1.5 MATLAMAT KAJIAN	15
1.6 OBJEKTIF KAJIAN	15
1.7 HIPOTESIS KAJIAN	16

1.8 SKOP KAJIAN	16
1.9 METODOLOGI KAJIAN	17
1.9.1 Tinjauan 'Reconnaissance'	18
1.9.2 Menentukan Aspek Penyelidikan	18
1.9.3 Kajian Teori Dan Kesusasteraan	18
1.9.4 Mengumpul dan Menganalisis Maklumat	19
1.10 RUMUSAN	20

BAB 2

KONSEP DAN TEORITIKAL PERUMAHAN BANTU DIRI

2.1 PENGENALAN	23
2.2 PERKEMBANGAN KE ARAH KONSEP PERUMAHAN BANTU DIRI	23
2.2.1 Konsep Pertapakan dan Perkhidmatan/ Kemudahan Asas (P & P) Satu Inventori	25
2.2.2 Kumpulan Sasaran dan Matlamat Perumahan Bantu Diri	26
2.2.3 Perumahan Bantu Diri di Skim Pertapakan dan Perkhidmatan (P & P) -Latar Belakang	28
2.3 PENDEKATAN TURNER DALAM KONSEP BANTU DIRI	29
2.4 PENDEKATAN HABITAT, PERUMAHAN DAN BANK DUNIA	32
2.5 PENYELESAIAN MASALAH SOSIO-EKONOMI- TUJUAN DAN PENDEKATAN PERUMAHAN	35
2.6 PENDEKATAN PERUMAHAN BANTU DIRI DAN PERANANNYA	36
2.7 SIFAT SEMULAJADI BANTU DIRI	42
2.8 SEJARAH KAJIAN PERUMAHAN BANTU DIRI	43
2.9 SEJARAH KAJIAN DELHI, VISAKHAPATNAM DAN MADRAS, INDIA	43

2.10 SEJARAH KAJIAN DI BANDARAYA MEXICO, MEXICO	47
2.11 SEJARAH KAJIAN MOROGORO, TANZANIA	49
2.12 SEJARAH KAJIAN DAKAR, SENEGAL	52
2.13 PENGALAMAN LAIN-LAIN NEGARA	53
2.14 POTENSI DAN HALANGAN DARI PENGALAMAN SEJARAH KAJIAN	53
2.15 RUMUSAN	57

BAB 3

KAJIAN UTAMA TERHADAP KEMAMPUAN, KEMAHIRAN DAN STANDARD SERTA PERKHIDMATAN

3.1 PENGENALAN	59
3.2 KEMAMPUAN	59
3.2.1 Mukaddimah	59
3.2.2 Anggaran Pendapatan	60
3.2.3 Pecahan Pendapatan Untuk Perumahan	64
3.3 KEMAHIRAN PEMBINAAN	66
3.4 PIAWAIAN (STANDARD) PEMBINAAN	69
3.4.1 Saiz dan Rekabentuk Rumah	74
3.4.2 Bahan Binaan	75
3.4.3 Standard Sanitasi	76
3.4.4 Kepadatan	77
3.5 RUMUSAN	78

BAB 4

PERKEMBANGAN PERUMAHAN BANTU DIRI DAN
PENEMPATAN SEMULA NELAYAN

4.1 PENGENALAN	81
4.2 PERTAMBAHAN PENDUDUK DAN KEPERLUAN PERUMAHAN DI MALAYSIA	81
4.2.2 Perumahan Bantu Diri di Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas (SPK) di Malaysia	82
4.3 SENARIO PERUMAHAN DI KAWASAN KUALA MUDA DAN PERUMAHAN BANTU DIRI DI SKIM PENEMPATAN NELAYAN TANJUNG DAWAI	85
4.3.1 Pertumbuhan Penduduk dan Keperluan Perumahan	88
4.3.2 Perumahan Bantu Diri di Skim Penempatan Nelayan Tanjung Dawai	91
4.4 RUMUSAN	93

BAB 5

ANALISIS DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGHUNI SKIM PENEMPATAN
NELAYAN

5.1 PENGENALAN	94
5.1.1 Latar Belakang Kawasan Kajian	94
5.2 ANALISA ASPEK-ASPEK SOSIO-EKONOMI	96
5.3 PENEMUAN UNSUR-UNSUR KEMAMPUAN	98
5.3.1 Kategori Pekerjaan Ketua Isirumah	99
5.3.2 Tingkat Pendapatan Isirumah	99
5.3.3 Kemampuan Kos Pembinaan	101
5.3.4 Sumber dan Masalah Utama Pembinaan Penambahan Rumah	103

5.3.5 Fasa Pembinaan	104
5.3.6 Rumusan	106
5.4 PENEMUAN UNSUR-UNSUR KEMAHIRAN PEMBINAAN	107
5.4.1 Tahap Kemahiran Pembinaan	107
5.4.2 Penambahan Ruang Asal	109
5.4.3 Sumber Bahan Binaan dan Kegunaan Bangunan	109
5.4.4 Rumusan	110
5.5 PIAWAIAN PEMBINAAN	111
5.5.1 Kepadatan	112
5.5.2 Saiz Keluasan Rumah	112
5.5.3 Rekabentuk Rumah	113
5.5.4 Kemudahan Utiliti Awam dan Infrastruktur	116
5.5.5 Rumusan	118

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM PELAKSANAAN BANTU DIRI DI SKIM PENEMPATAN SEMULA NELAYAN TANJUNG DAWAI

6.1 PENGENALAN	120
6.2 PENEMUAN UTAMA KAJIAN	120
6.2.1 Penemuan Faktor Kemampuan	120
6.2.2 Penemuan Faktor Kemahiran Pembinaan	121
6.2.3 Penemuan Piawaian Pembinaan dan Peranan Kerajaan	122

6.2.4 Pembuktian Sub-hipotesis	123
6.3 PEMBUKTIAN HIPOTESIS	124
6.4 IMPLIKASI PENEMUAN TERHADAP PERANCANGAN PROGRAM BANTU DIRI	124
6.5 ISU DAN CADANGAN TERHADAP PELAKSANAAN	125
6.5.1 Isu Dalam Pelaksanaan Skim Bantu Diri	125
6.5.2 Cadangan Untuk Meningkatkan Program Bantu Diri	127
6.6 KESIMPULAN	131
LAMPIRAN	
BIBLIOGRAFI	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.3.2 Konsep Perumahan Bantu Diri di Bandar	11
Jadual 4.2.1 Pertumbuhan Penduduk di Malaysia	82
Jadual 4.2.2 Prestasi dan Sasaran Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK)	84
Jadual 4.3.1 (a) Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Kawasan, MPSP (1980)	89
Jadual 4.3.1 (b) Bilangan Penduduk MPSP dan Mengikut Petempatan (1991-2010)	90
Jadual 5.2 (a) Kumpulan Etnik	96
Jadual 5.2 (b) Tempat Kelahiran	97
Jadual 5.2 (c) Jumlah Bilangan Isirumah	97
Jadual 5.2 (d) Tempoh Penghunian	98
Jadual 5.3.2 (a) Tingkat Pendapatan Isirumah	101
Jadual 5.3.3 (a) Jumlah Kos Pembinaan Yang Mampu	102
Jadual 5.3.4 (a) Sumber Kewangan Untuk Pembinaan	104
Jadual 5.3.4 (b) Masalah Utama Dalam Pembinaan	104
Jadual 5.3.5 (a) Pembinaan Mengikut Peringkat	105
Jadual 5.4.1 (a) Tahap Kemahiran Pembinaan	108
Jadual 5.4.1 (b) Asal Kemahiran Membina	109
Jadual 5.4.3 (a) Kegunaan Bangunan	110
Jadual 5.5.2 (a) Keluasan Rumah	113
Jadual 5.5.3 (a) Jenis Bangunan	114
Jadual 5.5.3 (b) Bahan Binaan Lantai	115
Jadual 5.5.3 (c) Bahan Binaan Dinding	115
Jadual 5.5.3 (d) Jumlah Bilik Tidur	116

Jadual 5.5.4 (a) Kemudahan Telefon	117
Jadual 5.5.4 (b) Kemudahan Tandas	118

SENARAI RAJAH

Rajah 1.2.2 Sumber Utama Perumahan Untuk Golongan Miskin	7
Rajah 1.9 Proses Deduktif yang Ringkas	17
Rajah 2.6 (a) Perancangan Projek Perumahan Bantu Diri di Skim Pertapakan Dan Perkhidmatan (P & P)	40
Rajah 2.6 (b) Patisipasi Sebagai Satu Peranan Tentang Siapa Yang Menentukan, Apa Yang Patut Dilakukan dan Siapa Yang Mengeluarkan Bantuan	41
Rajah 3.4 Hirarki Tentang Keperluan dan Keperluan Perumahan	71
Rajah 4.3.2 Lakaran Kasar Ruang Rumah	93

SENARAI KATA SINGKATAN

FELCRA	= Pihak Berkuasa Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	= Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
JBA	= Jabatan Bekalan Air
KEDA	= Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEMAS	= Kemajuan Masyarakat (Kem. Pembangunan Luar Bandar)
KWSP	= Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKIM	= Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
P & P	= Pertapakan dan Perkhidmatan
PAKR	= Perumahan Awam Kos Rendah
PKEN	= Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
RPK	= Rancangan Pembangunan Khas
SPK	= Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas
SPS	= Skim Penempatan Semula
SPSS	= Statistical Package for The Social Science
TMPRKR	= Tabung Untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah
TNB	= Tenaga Nasional Berhad
TOL	= Lesen Kependudukan Sementara
TPPKR	= Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Manusia mempunyai keperluan dan kehendak yang tidak terbatas. Salah satu daripada keperluan asas manusia adalah tempat tinggal atau rumah yang dijadikan sebagai tempat berteduh dan berlindung daripada unsur-unsur cuaca serta keselamatan. Pada masa kini rumah yang hendak didiami mestilah berada dalam keadaan selesa dan dapat memberikan ketenteraman serta kesejahteraan kepada penghuni yang mendiaminya.

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun turut menghadapi masalah kekurangan bekalan rumah untuk penduduknya. Masalah ini bukanlah dari aspek kuantiti binaan rumah tetapi harga yang membuatkan ianya tidak mampu dimiliki oleh rakyat kebanyakan khususnya yang berpendapatan rendah.

Pembinaan rumah secara formal oleh sektor awam dan swasta telah dilaksanakan sejak 30 tahun yang lalu. Sektor pembinaan telah menyumbangkan satu peratusan yang agak besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (4.9 % pada tahun 1996)¹. Namun begitu permintaan masih meningkat walaupun banyak projek perumahan yang telah dilaksanakan. Justeru itu sektor formal hanya berupaya memenuhi sebahagian daripada permintaan keperluan perumahan.

¹ *Laporan Ekonomi 1995/96*, Kementerian Kewangan Malaysia

Keadaan ini berlaku adalah disebabkan keperluan majoriti pembeli ialah rumah yang murah dan mampu dimiliki. Sekiranya sektor pembinaan memberi tumpuan dari segi tenaga dan sumber terhadap pembinaan rumah kos rendah, maka sudah tentulah masalah ini dapat diatasi. Sebaliknya apa yang berlaku jelas menunjukkan projek pembinaan perumahan lebih berorientasikan keuntungan yang maksima. Dalam dekad akhir 70an dan awal 80an , projek- projek lebih banyak diberi tumpuan pada kompleks pejabat bertaraf antarabangsa , kondominium mewah, perumahan kelas atasan dan pertengahan (Laporan Ekonomi 1995/96). Kepincangannya dalam waktu yang sama kerajaan tidak mempunyai polisi yang kukuh untuk membangunkan projek perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu pembinaan rumah kos rendah telah mendapat sambutan yang dingin samada daripada sektor swasta dan juga awam.

Pada tahun 1985, satu kejutan telah berlaku kepada industri pembinaan, iaitu kemelesetan pembangunannya akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia. Banyak projek-projek terbengkalai termasuklah projek-projek mega dan perumahan mewah. Dalam waktu ini, hanya terdapat permintaan terhadap rumah kos rendah dan sederhana. Justeru itu kerajaan telah menjadikan pembangunan perumahan kos rendah sebagai langkah mengatasi kemelesetan ekonomi. Sehubungan dengan itu, Skim Perumahan Kos Rendah Khas (PKRK) telah diperkenalkan dan bertujuan untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun bagi tiga tahun berturut-turut dari pertengahan tahun 1986 hingga pertengahan tahun 1989. Pada dasarnya skim ini mempunyai tujuan yang baik tetapi ia menghadapi masalah dari segi operasi dan sasarannya. Perbezaan ketara wujud di antara sasaran rumah kos rendah yang dirancang dengan rumah yang dibina. Walaupun sasaran rumah kos rendah telah dicapai, masih terdapat ramai golongan yang berpendapatan

rendah dan miskin tidak mampu membeli dan memiliki rumah pada tingkat harga RM 25,000 yang telah dijadikan sebagai paras harga minimum rumah kos rendah.

Masalah yang wujud ini tidak dapat diatasi adalah berpunca daripada penyaluran keperluan perumahan yang tidak seimbang. Mekanisma pasaran yang membenarkan kuasa pasaran bebas di dalam menentukan penawaran dan permintaan rumah mengikut harga tertentu akan menyebabkan pembekalan rumah menyebelahi golongan yang berada. Malah sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah menjadikan pasaran hartanah sebagai satu bentuk pelaburan yang menjual-beli rumah semata-mata untuk mengaut keuntungan.

1.2 KEPERLUAN PERUMAHAN – KETIDAKUPAYAAN SEKTOR FORMAL MEMENUHI PERMINTAAN PERUMAHAN

Dalam jangkamasa 1971 – 1995 sektor formal perumahan (awam dan swasta) masih tidak berupaya memenuhi keperluan permintaan rumah kos rendah. Secara amnya, pencapaian sektor awam dalam pembinaan perumahan adalah jauh berbeza dari sasaran iaitu mengikut perangkaan hanya 55.03 % dalam Rancangan Malaysia ke 3 (1976-1980), 47.68 % dalam Rancangan Malaysia ke 4 (1981-1985), 65.18 % dalam Rancangan Malaysia ke 5 (1986-1990) dan 48.60 % dalam Rancangan Malaysia ke 6 (1991-1995). Manakala pihak swasta pula membina lebih banyak rumah apabila ekonomi negara berada di dalam keadaan baik tetapi prestasinya menurun di waktu ekonomi mula meleset. Walau bagaimanapun mengikut perangkaan pembinaannya melebihi sasaran sebanyak 138 % dalam Rancangan Malaysia ke 3 (1976-1980), 38.47 % dalam

Rancangan Malaysia ke 4 (1981-1985), 36.89 % dalam Rancangan Malaysia ke 5 (1986-1990) dan 141 % dalam Rancangan Malaysia ke 6 (1991-1995) [Laporan Ekonomi 1995/96].

1.2.1 REKOD PENCAPAIAN SEKTOR AWAM

Mengikut dasar dan polisi kerajaan ialah pemindahan tanggungjawab pembinaan rumah kos rendah kepada pihak swasta. Ini dibuktikan daripada penurunan peratusan pembinaan yang disumbangkan oleh kerajaan. Malah jumlah kuantiti pembinaan rumah telah menurun dari 201,900 unit dalam Rancangan Malaysia ke 4 kepada 97,126 unit dalam Rancangan Malaysia ke 5, 46,497 unit dalam Rancangan Malaysia ke 6.² Perbelanjaan pembangunan perumahan juga berubah dari RM 1,343 juta (1981-1985) kepada RM 1,465 juta (1986-1990) dan pengurangan yang banyak berlaku iaitu RM 803 juta dalam tahun 1991 hingga 1995 (Laporan Ekonomi 1995/96).

Dalam penelitian program perumahan, sektor awam mendahului pelaburan dalam 4 kategori utama iaitu perumahan kos rendah awam, skim perumahan kerajaan, kuarters dan kediaman kakitangan kerajaan dan projek perumahan komersial oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Program ini kebanyakan bertema Program Perumahan Kos Tinggi dan Sederhana (Rancangan Malaysia ke-4).

Mengikut belanjawan tahun 1997, penubuhan Syarikat Perumahan Negara dengan dana yang berjumlah RM 1 billion akan membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah kos

² Berdasarkan Laporan R.M ke-4, R.M ke-5, R.M ke-6. Sektor awam bercadang membina 170,000 unit rumah dan 60,000 unit rumah kos rendah pada R.M ke-7 (1996-2000) tetapi pencapaian sebenar sememangnya di bawah paras sasaran.

rendah dan sederhana, menandakan kepentingan agenda sosial telah diberi keutamaan oleh kerajaan. Agenda yang diprogramkan adalah mengalih peranan ini kepada sektor swasta dan penglibatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menunjukkan keprihatinan kerajaan (Berita Harian 26 Oktober, 1996).


Secara amnya, prestasi sektor awam adalah tidak memuaskan dalam dua perspektif yang utama. Pertama, sektor awam tidak memenuhi sasaran dalam program pembangunan perumahan kos rendah. Kedua, sektor awam juga tidak memberi skim galakan terhadap pembangunan rumah kos rendah awam. Ini jelas dibuktikan dari penumpuan yang lebih diberikan kepada pembinaan rumah kos tinggi dan sederhana. Situasi seumpama ini bertambah kritikal selaras pertambahan penduduk dan migrasi penduduk luar bandar ke bandar serta migrasi warga asing.

1.2.2 REKOD PENCAPAIAN SEKTOR SWASTA

Tiga kategori yang terdiri daripada pemaju, kesatuan koperasi dan “individu dan kumpulan” adalah merupakan pihak sektor swasta yang terbabit dalam industri pembinaan rumah . Sebahagian sektor formal adalah terdiri daripada pemaju dan kesatuan koperasi yang membina rumah-rumah menerusi syarikat swasta dan ahli-ahli kesatuan koperasi. Rumah-rumah ini dijual kepada orang –orang awam dan ahli-ahli koperasi. Individu atau kumpulan yang mengupah tukang rumah untuk membina rumah menurut spesifikasinya adalah merupakan sebahagian daripada sektor informal. Biasanya sektor informal ini terlibat di dalam perumahan bukan konvensional.

Walaupun begitu jumlah pembinaan rumah oleh sektor informal ini hampir menyamai jumlah yang dibina oleh sektor formal. Dalam jangka masa antara tahun 1971 hingga tahun 1985, individu atau kumpulan ini membina sebanyak 359,157 unit berbanding syarikat-syarikat pemaju perumahan sebanyak 369,152 unit dan koperasi sebanyak 12,275 unit (Khor Kok Peng, 1989).

Pada tahun 1986 hingga tahun 1990 sektor swasta telah membina sebanyak 4,937 unit rumah kos rendah dan pembinaan ini meningkat di antara tahun 1991 hingga 1995 kepada 80,678 unit (Rancangan Malaysia ke-7). Jumlah ini tidak termasuk pembinaan rumah setinggan oleh individu atau kumpulan dari sektor informal tersebut. Jika jumlah ini ditambah, mungkin sektor informal inilah menjadi sektor yang paling banyak membina rumah. Walaupun aktif dalam industri pembinaan rumah, namun mereka sering diabaikan dalam pemberian bantuan dan kurang perhatian diberikan dalam pembentukan polisi perumahan. Pergantungan yang terlalu tinggi terhadap sektor formal boleh memberi kesan negatif kepada pembinaan perumahan kos rendah terutamanya apabila ekonomi mengalami kemelesetan.



Rajah 1.2.2 : Sumber David Drakakis-Smith (1993)

1.3 KEPERLUAN PERUMAHAN-PERUMAHAN BANTU DIRI – SUATU PENDEKATAN

Perang Dunia ke 2 telah mengakibatkan proses urbanisasi yang mendadak iaitu wujudnya penempatan spontan. Penempatan ini adalah merupakan pembangunan perumahan yang tidak sah, tidak terkawal, tidak terancang dan mempunyai pertumbuhan serta penjanaannya yang tersendiri. Ini termasuklah penempatan setinggalan yang wujud dari pencerobohan dan sistem pecah bahagi tanah yang kekurangan kemudahan infrastruktur. Kebanyakan rumah-rumah setinggalan ini dibina oleh isirumah kemudian dipertingkatkan dan ditokok tambah melalui proses bantu diri (Leeds, 1969).

1.3.1 PENEMPATAN SPONTAN – SUATU PERUBAHAN

Proses urbanisasi telah membawa kemasukan dan migrasi penduduk luar bandar yang mengakibatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di bandar. Beberapa impak dan masalah sosial telah dibawa oleh proses ini seperti pekerjaan, perkhidmatan dan perumahan. Kekurangan jumlah rumah kos rendah telah memaksa golongan yang berpendapatan rendah menyewa. Majoriti penyewa tidak mampu menanggung pembiayaan sewa rumah untuk 'rumah popular' yang berorientasikan kepentingan sosial. Sebagai contohnya dinyatakan bahawa 70% penduduk di beberapa kawasan setinggan (conjuntos) di Rio de Janerio gagal membayar sewa dan telah menggadai segala harta benda (Pelman, 1976).

Kegagalan untuk memiliki rumah berpunca dari halangan pihak berkuasa tempatan dengan alasan bahawa rumah-rumah yang dibina oleh penduduk setinggan adalah tidak mengikut piawaian, spesifikasi dan rekabentuk bangunan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan pengambilan rumah yang tidak mengikut piawaian ini adalah satu rampasan (Strassman, 1977) kerana penghuni setinggan adalah golongan yang tidak mampu membayar sewa. Dalam situasi begini, penduduk setinggan telah bertindak untuk berpindah ke tempat lain dan membina semula tempat perlindungan. Mereka membina tempat berteduh dengan harapan taraf rumah dapat dipertingkatkan apabila mempunyai sumber kewangan (Abrams, 1964). Ini adalah idea yang paling penting dalam menerangkan perkembangan dan pembangunan setinggan. Sehubungan dengan itu satu sempadan akan ditentukan bagi mengelakkan pencerobohan dan jika usaha ini mendapat kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa, kemudahan infrastruktur akan dibina. Penempatan spontan ini adalah penularan kawasan perumahan yang paling ketara.

Apabila sesebuah bandaraya mengalami kadar pertumbuhan 5 % kepada 7 % setahun, kadar kawasan setinggan atau pemecah-bahagi kawasan haram merebak di antara 10 hingga 15 % dari segi keluasan kawasan pembinaan rumah setinggan (Turner, 1970).

1.3.2 PERUMAHAN BANTU DIRI DARI ASPEK KONSEP

Perumahan bantu diri bukanlah satu konsep yang baru di dalam skim perumahan di sesuatu negara. Abrams (1964) telah menerangkan secara menyeluruh konsep perumahan jenis ini dan menjelaskan bahawa ia adalah aktiviti manusia yang terawal (dikaitkan hingga ke zaman batu yang bercirikan perlindungan gua). Skim perumahan jenis ini telah semakin mendapat perhatian di sekitar 1960 an dengan andaian bahawa pemindahan teknologi dari negara maju ke negara membangun tidak juga berupaya menyelesaikan masalah perumahan. Justeru itu penyelesaian yang sebenarnya adalah terletak di bawah pengendalian individu. Mengikut kaedah ini ia tidak melibatkan perbelanjaan yang besar bagi individu itu namun begitu dari segi konsepnya yang sebenar ia melibatkan pekerjaan, kebajikan, infrastruktur, perkhidmatan dan tempat ibadat (Hake, 1977).

Mengikut skim bantu diri individu dan kumpulan dianggap sebagai input serta bertindak terhadap sistem penghasilan kewangan dan penyelenggaraan (mereka bertindak sebagai pengeluar kepada bahan yang diperlukan untuk proses pembinaan). Individu dan kumpulan ini akan mengambilalih fungsi sektor swasta dan awam yang tidak berupaya memenuhi permintaan perkhidmatan itu.

Perumahan bantu diri dapat didefinisikan kepada dua tahap. Tahap pertama dengan merujuk kepada individu dan kumpulan yang melaksanakan sebahagian daripada

tanggungjawabnya melalui perkhidmatan pemasangan, bangunan dan perbelanjaan kos perumahan itu sendiri. Antara contoh sistem pemasangan ialah sistem pembedungan. Tahap kedua pula meliputi bahagian yang lebih kompleks iaitu penglibatan satu kumpulan penghuni dalam merencanakan struktur sosial dan ekonomi di skim perumahan bantu diri. Sebagai contoh, satu kumpulan penghuni berfungsi membina rumah dan membekalkan bahan-bahan binaan. Dalam keadaan ini, pembinaan rumah dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi setempat dan menyemarakkan semangat ingin memajukan diri (HABITAT, 1981).

Zaman makin berubah dan perumahan bantu diri juga turut mengalami perubahan. Keadaan ini diperhatikan oleh Abrams dan mula membina teori-teori perumahan ini pada tahun 1950-an. Ini juga diikuti oleh kajian (Turner, 1970) yang menunjukkan perubahan pada perumahan ini. Berikutnya adalah jadual konsep perumahan bantu diri di bandar.

Jadual 1.3.2 : Konsep Perumahan Bantu Diri di Bandar
 Sumber : Rodell et. al (1983)

Selepas Abrams (Tahun 1950-an)	Selepas Turner (Tahun 1970-an)
<u>Idea Asas</u> Bantu diri = Tenaga buruh kaum keluarga yang tidak dibayar	<u>Idea asas</u> Bantu diri = kaum keluarga yang menentukan hal pelaburan
<u>Proses pembinaan</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tanah setingan 2. Bahan binaan terdiri dari bahan buangan 3. Tenaga pekerja yang tidak dibayar pada hari minggu dan malam 4. Pembinaan bermula dari hari menduduki dan boleh tamat dalam sehari hingga setahun <p>Produk akhir dihalang oleh pendapatan keluarga dalam setahun dan kos bahan binaan serta pengesahan tempat kediaman.</p>	<u>Proses pembinaan</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelbagai dan tidak dapat dijangka. Pembinaan boleh berakhir sehari hingga 10 tahun. 2. Pondok dan teratak mungkin merupakan produk terakhir atau sebahagian daripada proses pembinaan <p>Produk akhir dihalang oleh pendapatan keluarga dalam satu dekad atau lebih, kos binaan dan pengesahan tempat kediaman</p>
<u>Siapa Menggunakan Pendekatan Bantu Diri</u> Pendatang yang tidak mahu tinggal di luar bandar	<u>Siapa Menggunakan Pendekatan Bantu Diri</u> Sesiapa sahaja dan ia biasanya dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana yang telan mengamalkan bantu diri
<u>Implikasi polisi</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Teori asas : Bantu diri mengurangkan kos pembinaan dalam sesuatu jenis perumahan 2. Syarat untuk mencapai kejayaan : Bantu diri mengurangkan kos dalam semua situasi 	<u>Implikasi polisi</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Teori asas : Dalam keadaan tertentu, bantu diri boleh meningkatkan pelaburan dalam perumahan kerana: <ol style="list-style-type: none"> a) Ia memberi peluang kepada tenaga pekerja yang tidak dibayar untuk bekerja b) Ia menambahkan input yang diperlukan oleh keluarga ke sumber-sumber yang digunakan dalam perumahan 2. Syarat untuk mencapai kejayaan : Bantu diri menambahkan pelaburan bila <ol style="list-style-type: none"> a) Sesuatu keluarga harus menunggu

	<p>jangka masa lima hingga enam tahun untuk menyewa atau membeli rumah konvensional</p> <p>b) Sesuatu keluarga mendapati konsep kejiranan perumahan konvensional tidak memenuhi keperluan mereka.</p>
<p>3. Masalah untuk diatasi:</p> <p>a) Kekurangan tanah</p> <p>b) Kekurangan pemberian kredit untuk membeli bahan binaan yang bermutu</p> <p>c) Perancangan yang tidak teratur dan kurang kemahiran membina rumah secara konvensional</p>	<p>3. Masalah untuk diatasi:</p> <p>a) Kurang tapak yang sesuai</p> <p>b) Piawaian guna tanah dan bangunan akan menggugat pilihan rumah bantu diri</p> <p>c) Kekurangan perkhidmatan awam</p> <p>d) Kekurangan pinjaman untuk pembinaan</p>
<p>4. Penyelesaian:</p> <p>Merancang membina rumah dengan menggunakan tenaga pekerja tidak berbayar</p>	<p>4. Penyelesaian:</p> <p>Rancang konsep kejiranan yang baru supaya setiap keluarga mempunyai assessibiliti yang baik, keselamatan yang tinggi, tapak yang strategik dan pendedahan kepada bantuan teknikal.. Penghuni diberi kebebasan melabur seberapa banyak yang mampu.</p>
<p>5. Peranan kerajaan yang minimum:</p> <p>a) Membangunkan tanah dan infrastruktur</p> <p>b) Rekabentuk rumah</p> <p>c) Membeli bahan binaan</p> <p>d) Mengorganisasi dan menyelia pembinaan</p>	<p>5. Peranan kerajaan yang minimum.</p> <p>a) Mendapatkan tanah dan meningkatkan kemudahan infrastruktur.</p>
<p>6. Projek yang sempurna</p> <p>Perumahan bantu diri yang diberi bantuan dan memenuhi keperluan skim perumahan</p>	<p>6. Projek yang sempurna</p> <p>Berubah-ubah mengikut suasana tempat</p>
<p>7. Penghasilan</p> <p>Satu skim perumahan yang bermutu bagi golongan berpendapatan rendah kerana murah.</p>	<p>7. Penghasilan</p> <p>Satu skim perumahan yang mempunyai unit-unit rumah yang berbeza dari segi kos dan kemampuan diusahakan oleh golongan berpendapatan rendah kerana:</p> <p>a) Terdapat unit yang mencukupi</p> <p>b) Ia merupakan satu cara mendapatkan perumahan yang murah</p>

Baru-baru ini timbul kesedaran kepada kerajaan di negara-negara membangun tentang sumbangan yang diberikan oleh perumahan bantu diri dan mulai menghargainya. Antara sebabnya ialah :

- a. Perumahan ini memberi satu polisi perumahan alternatif bagi kerajaan yang tidak berupaya meningkatkan keadaan sosial dan tempat tinggal walaupun terdapat bantuan daripada badan-badan dunia.
- b. Perumahan bantu diri adalah tidak mencemarkan dan mengikut lunas-lunas alam serta menghargai alam sekitar. Perkembangan pembinaan sekarang yang banyak menggunakan teknologi moden banyak mendatangkan kesan buruk ke atas alam sekitar (Lim Jee Yuan, 1987).
- c. Perumahan bantu diri di samping menyediakan perumahan kepada golongan yang tidak mampu, ia juga mewujudkan satu golongan yang menggiatkan proses pembangunan bandar dan industri yang berintensifkan buruh. Perumahan ini dapat menampung bilangan penduduk yang ramai tanpa pelaburan yang tinggi.
- d. Sokongan yang kuat untuk pembangunan perumahan bantu diri daripada badan-badan dunia seperti Bank Dunia, dalam menyokong pembangunan ini Presiden badan itu menyeru kerajaan negara membangun supaya menerokai potensi perumahan jenis ini (World Bank, 1975).
- e. Faktor penarikan dan tolakan. Skim perumahan jenis ini telah banyak diguna pakai oleh institusi di negara lain seperti Peru (Collier, 1976). Pada masa yang sama wujudnya tekanan dari harga tanah yang tinggi, peningkatan harga bahan binaan, peningkatan populasi, kekurangan ruang askessibiliti dan interaksi serta sektor pekerjaan yang produktif.

1.4 ISU-ISU PERUMAHAN BANTU DIRI

Perumahan awam atau persendirian telah wujud sejak era penjajah lagi. Melalui dasar penjajah iaitu pengasingan kaum mengikut kegiatan ekonomi telah menghasilkan penempatan-penempatan mengikut kategori tertentu seperti perkampungan Melayu, Cina dan India. Jenis perumahan yang dibina pada setiap penempatan adalah berasaskan kemahiran dan kepakaran yang di warisi daripada nenek moyang masing-masing. Kemahiran mereka terserlah walaupun tanpa bantuan teknologi senibina moden kerana pembinaan mereka ringkas, amanah dan penggunaan bahan yang efisien mengikut lunas-lunas alam sekitar (Lim Jee Yuan, 1987).

Namun begitu ,pembinaan rumah-rumah bantu diri telah dikecam oleh sesetengah pihak. Isu yang menjadi pertelingkahan ialah sejauh mana perumahan bantu diri benar-benar membantu atau sebaliknya. Terdapat kontroversi yang menyatakan bahawa konsep bantu diri itu berkemungkinan satu program perumahan awam yang disubsidikan oleh kerajaan. Dalam pada itu untuk keberkesanan dan kejayaan konsep bantu diri memerlukan elemen-elemen seperti :-

- a. Kemahiran dan kepakaran pembinaan
- b. Kewangan , organisasi dan pekerjaan
- c. Infrastruktur dan
- d. Rumah

Tidak dapat tidak kesemua elemen di atas mempunyai masalah tersendiri dan sekiranya masalah ini dapat di selesaikan maka sudah tentu program ini akan membawa rahmat kepada golongan yang tidak mampu memiliki rumah dan pembentukan polisi perumahan ini mempunyai impak yang kuat dalam menentukan kejayaan perumahan ini. Polisi yang

digubal ini menghadapi dua halangan yang utama. Pertama, polisi yang dibentuk tidak selari atau tiada kesenimbungan dengan polisi perumahan yang lama. Kedua, polisi akan berubah mengikut peralihan kuasa pemerintah semasa.. Kepincangan dan ketidakjituan polisi yang digubal ini telah menjadi satu halangan dalam pembangunan perumahan bantu diri.

1.5 MATLAMAT KAJIAN

Mengkaji tahap pencapaian perumahan bantu diri yang dilaksanakan oleh:

- 1) penduduk yang ditempatkan semula
- 2) sejauh mana kejayaannya dari segi penyertaan penduduk dan
- 3) peranan agensi kerajaan yang terlibat menanganinya

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

- (A) Mengkaji dan menganalisis bagaimana perumahan bantu diri berupaya memenuhi permintaan stok perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah. Analisis dibuat terhadap permintaan dan penawaran perumahan yang dibekalkan di Malaysia. Tinjauan dibuat terhadap langkah-langkah yang diperlukan untuk menjayakan skim ini : Ini termasuklah peranan yang dimainkan oleh pihak agensi kerajaan dan penglibatan penduduk skim ini.
- (B) Membuat penilaian terhadap perumahan bantu diri di skim penempatan semula yang sedia ada dan menganalisis kelebihan dan kekurangan perumahan jenis begini.
- (C) Sejauh mana skim ini berjaya menempatkan semula nelayan, golongan miskin dan golongan yang memerlukan perumahan.

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Pemberian tapak dan kemudahan asas skim perumahan di Skim Penempatan Semula Nelayan Tanjung Dawai bukan penentu utama dalam menjayakan pembinaan rumah bantu diri.

Sub-hipotesis :-

- (A) Faktor-faktor taraf ekonomi, kemahiran membina, masa, peralatan, bahan, ruang, tenaga kerja, kemahuan dan standard atau piawaian rumah menjadi penentu dalam menjayakan pembinaan rumah bantu diri
- (B) Penglibatan agensi kerajaan dalam bentuk bantuan teknikal, penguatkuasaan dan pemberian perkhidmatan tidak membantu dalam proses pembinaan rumah.

1.8 SKOP KAJIAN

Kajian penyelidikan ini lebih merupakan satu kajian kes untuk menganalisis samada skim perumahan bantu diri ini dapat mencapai tujuannya. Kini terdapat banyak alternatif untuk menyelesaikan masalah kekurangan dalam perumahan seperti perumahan kos rendah, perumahan awam, perumahan koperasi, flat dan sebagainya.


Beberapa perkara yang akan disentuh ialah:

- (A) Sistem perumahan bantu diri yang diamalkan di dalam dan di luar negara
- (B) Mengkaji sistem perancangan perumahan dan pendekatan yang diamalkan di negeri Kedah seperti peranan agensi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) . Selain itu kajian meliputi polisi dan proses perancangan.
- (C) Perhatian akan ditumpukan pada tahap kemampuan sebenar, kemahiran yang dimiliki dan piawaian pembinaan serta peranan agensi yang terlibat di dalam pengubahsuaian dan tambahan rumah bantu diri dalam jangkamasa yang tertentu.

(D) Cadangan alternatif dan rumusan.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan satu proses kajian yang bermula dengan penemuan teori-teori dan falsafah oleh tokoh-tokoh terancang. Seterusnya membentuk hipotesis dan kemudiannya membuat pengamatan serta menghasilkan satu anggapan empirik yang menyokong atau membantah teori.



Rajah 1. 9 : Proses deduktif yang ringkas

Kajian Kes: Skim Penempatan Semula Nelayan, Kampong Nelayan, Tanjong Dawai, Kedah.

- Latar belakang penempatan di Daerah Kuala Muda dan lokasi penempatan semula nelayan di Tanjong Dawai, Mukim Merbok, Daerah Kuala Muda, Kedah.
- Peranan yang dimainkan oleh penghuni dan kajian ke atas taraf sosio-ekonomi mereka (seperti peningkatan pendapatan, jenis pemilikan, pekerjaan, kebolehan meningkatkan pendapatan di tapak kajian dan peruntukan pendapatan untuk rumah).

- Keadaan tempat tinggal (bahan binaan, pembinaan dan keadaan fizikal rumah).
- Keadaan infrastruktur asas (pembentungan, air, elektrik dan komunikasi).
- Keberkesanan kerajaan mendorong golongan tertentu tinggal di kawasan kajian seperti pampasan dan alternatif.

Proses penyelidikan ini adalah satu proses berterusan dan hasil penyelidikan sepatutnya dijadikan rujukan di masa-masa akan datang. Setiap langkah penyelidikan ini dianggap penting dalam menentukan kesahihan penyelidikan ini. Langkah-langkah yang diambil boleh dibahagikan kepada beberapa sektor seperti berikut:-

1.9.1 TINJAUAN

Langkah pertama dalam sesuatu kajian ialah mengenalpasti maklumat yang sedia ada berkenaan dengan tapak kajian melalui pemerhatian dan pengamatan. Ia termaksudlah maklumat sekunder dari agensi-agensi kerajaan dan terbitan berjadual atau *periodical* yang lain.

1.9.2 MENENTUKAN ASPEK PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bermula dengan melihat isu perumahan secara makro iaitu pada peringkat negara, negeri dan seterusnya ditujukan ke tahap mikro, iaitu peringkat bandar/daerah serta kawasan kajian. Aspek yang lebih terperinci adalah mengkaji pendekatan perumahan bantu diri.

1.9.3 KAJIAN TEORI DAN KESUSASTERAAN

Kajian teoritikal melibatkan isu-isu yang berhubungkait dengan perumahan secara amnya dan perumahan bantu diri secara khasnya. Pengamatan yang diamalkan di negara luar dan

dalam negara dipertimbangkan bertujuan melihat keberkesanan perumahan bantu diri mengurangkan bilangan golongan yang tidak mempunyai rumah.

Disebabkan perumahan bantu diri yang dilaksanakan di tapak kajian melibatkan pendekatan tapak dan perkhidmatan, maka tinjauan telah dibuat terhadap implikasi pendekatan ini dalam menjayakan skim penempatan semula (disini bermaksud sejauh mana pendekatan yang dibuat itu dapat membawa kepada kejayaan perumahan bantu diri di dalam skim penempatan semula nelayan). Rujukan penyelidikan ini melibatkan sumber data sekunder seperti buku rujukan, jurnal, artikal, kertas seminar dan sebagainya.

1.9.4 MENGUMPUL DAN MENGANALISIS MAKLUMAT

Proses pengumpulan data terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- (A) Bahagian pertama – maklumat dari jabatan kerajaan meliputi maklumat data sekunder serta temubual dengan pegawai kerajaan.
- (B) Bahagian kedua – soal selidik di tapak kajian

Persampelan rawak sebanyak 20% diambil dari jumlah keseluruhan 100 unit rumah bagi menguji hipotesis. Persampelan ini diambil hasil daripada pemerhatian dan pengamatan di kawasan kajian serta data sebenar yang diperolehi daripada agensi yang terlibat. Selain daripada itu maklumat juga diperolehi melalui bahan rujukan berbentuk laporan, jurnal dan sebagainya.

Data primer yang diperolehi daripada soal selidik kerja lapangan dianalisis dengan kaedah frekuensi dan perjadualan (*crosstabulation*), dilakukan dengan menggunakan

program SPSS atau *Statistical Package for the Social Sciences*. Data-data primer ini ditapis berdasarkan keperluan pembuktian elemen-elemen tertentu seperti faktor ekonomi, kemahiran, piawaian dan penglibatan kerajaan. Faedah penggunaan SPSS ini ialah ia menjimatkan masa kiraan khususnya bagi pengiraan yang mempunyai lebih dari satu pembolehubah.

1.10 RUMUSAN

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan memberi satu penemuan tentang perumahan bantu diri yang terdapat di negara kita khususnya bagi golongan nelayan di negeri Kedah. Tidak dapat dinafikan bahawa konsep ini telah menghadapi banyak cabaran di negara-negara luar tetapi jika dilihat keberkesanan implimentasi di negara kita masih lagi di peringkat kajian. Dalam menuju wawasan 2020 pembangunan perumahan yang berkualiti dari segi keselesaan dan keselamatan adalah menjadi dasar utama. Skim perumahan bantu diri ini perlu diberikan satu pendekatan untuk penyelesaian perumahan yang semakin kritikal terutamanya di kalangan golongan yang berpendapatan rendah. Untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan ini satu pemerhatian yang khusus perlulah dibuat supaya golongan ini dijadikan sasaran dalam merencanakan pemilikan rumah yang selamat dan selesa untuk didiami.

Justeru itu diharapkan hasil penemuan yang diperolehi ini dapat dijadikan sedikit garis panduan kepada pihak berkuasa perumahan terutamanya agensi yang terlibat dengan pembangunan nelayan dalam merangka skim perumahan yang lebih baik dari aspek sosio-ekonomi penduduk setempat. Agensi-agensi perumahan lain juga perlu merangka

satu polisi formal perumahan bantu diri dan sepatutnya pengurangan birokrasi dalam perlaksanaannya.

Seterusnya penerangan dibuat tentang **Bab 1** di mana perkara-perkara yang disentuh secara umum dan seluruh kajian dengan perincian dari aspek metodologi, skop kajian, hipotesis dan sub-hipotesis.

Konsep teoritikal perumahan juga disentuh khususnya yang melibatkan perumahan bantu diri seperti Skim Pertapakan dan Perkhidmatan (P & P) di dalam **Bab 2**. Konsep ini menerangkan peranan bantu diri dalam penyelesaian masalah sosio-ekonomi dan isu-isu perumahan . Dalam bab ini juga kajian pengalaman kes-kes bantu diri di luar negara seperti India, Mexico, Tanzania dan Senegal dinilai untuk melihat kekuatan dan kelemahan pelaksanaan skim ini di negara-negara tersebut.

Dalam **Bab 3**, pengkhususan teoritikal adalah meliputi skop kajian yang lebih mendalam. Isu-isu berkaitan dengan kemampuan kewangan, kemahiran pembinaan dan standard/piawaian pembinaan adalah antara-antara perkara yang disentuh. Aspek kemampuan difokus dari segi pendapatan atau perolehan sebenar golongan miskin pada tahap-tahap pembinaan tertentu. Sementara aspek kemahiran pula sekurang-kurangnya kebolehan membina rumah dinilai sebagai boleh diterima apabila pembinaan rumah tersebut adalah selamat untuk diduduki, selesa dan mengikut norma-norma kehidupan penduduk setempat. Penilaian dari aspek standard dan piawaian pula perkara-perkara seperti kepadatan, saiz keluasan ruang, rekabentuk, kemudahan infrastruktur unit rumah dan awam adalah perkara yang dikaji.

Di dalam **Bab 4**, perbincangan ditumpukan kepada Daerah Kuala Muda, Kedah dan Malaysia amnya. Hal yang bersabit dengan perancangan dan hubungkait dengan isu-isu perumahan. Bab ini juga menerangkan satu senario perancangan di Daerah Kuala Muda dan agensi-agensi pelaksana yang terlibat di dalam industri perumahan..

Bab 5 merupakan analisis dan penemuan kajian. Bab ini lebih menumpukan kepada analisis kajian lapangan perumahan bantu diri di Skim Penempatan Semula Nelayan Tanjung Dawai. Tumpuan diberikan kepada tiga komponen utama iaitu kemampuan, kemahiran dan piawaian pembinaan. Dari aspek piawaian, peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan juga dibincangkan.

Bab akhir adalah satu rumusan ke atas penemuan kajian. Melalui penemuan kajian dihasilkan pembuktian hipotesis utama dan juga sub-hipotesis. Dalam bab ini juga perkara-perkara yang ditampilkan ialah implikasi penemuan dalam melaksanakan perumahan bantu diri khususnya bagi Skim Penempatan Semula Nelayan. Seterusnya diberi beberapa cadangan pelaksanaan perumahan bantu diri untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dan kaedah-kaedah untuk memperbaiki isu perumahan bantu diri.

BAB 2

KONSEP DAN TEORITIKAL PERUMAHAN BANTU DIRI

BAB 2

KONSEP DAN TEORITIKAL PERUMAHAN BANTU DIRI

2.1 PENGENALAN

Konsep perumahan bantu diri telah wujud sekian lama dan sejak manusia memulakan penempatan di zaman Neolitik (5,600-5,400 Sebelum Masihi) lagi, iaitu pada Zaman Batu, kefahaman manusia membina rumah jauh mahir dan sesetengahnya setaraf dengan rumah yang dibina pada hari ini. Namun dengan wujudnya kemahiran dalam selok belok pertukangan dan pembinaan serta perhiasan maka teknologi dan sains pembinaan berkembang dari era ini. Selepas perang Dunia ke 2, pembinaan rumah hanya diaplikasi dengan cara sendiri di sebabkan kekurangan tempat tinggal. Semenjak daripada itu, konsep perumahan bantu diri telah dilaksanakan berskel besar bagi mengganti perumahan informal. Perumahan informal seperti kawasan setinggan semakin mendapat tekanan samada dari pihak kerajaan ataupun swasta yang terlibat dengan pembinaan perumahan. Selain itu tekanan juga adalah berpunca dari faktor sejarah. Jajahan kolonial dan impaknya telah menyebabkan elemen sosial diabaikan dalam pembangunan pada zaman itu (Payne,1977). Justeru itu, skim perumahan bantu diri telah di anggap sebagai satu pendekatan yang dapat menyelesaikan masalah perumahan bagi golongan yang mendiami secara tidak sah mengikut istilah undang-undang negara.

2.2 PERKEMBANGAN KEARAH KONSEP PERUMAHAN BANTU DIRI

Kejayaan proses pembinaan rumah secara autonomi ini di Lima, Peru (Turner, 1965)

telah mula mencetuskan idea keberkesanan teori ini. Kejayaan teori ini di sekitar tahun 1960-an adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya ialah:

- a).Kemajuan perindustrian dan daya tarikan bandar telah menyebabkan migrasi besar-besaran dari luar bandar ke bandar. Kesan mobiliti penduduk ini telah mendorong mereka membina rumah dengan kemahiran asas mereka dalam pembinaan (Cabieses et.al.,1982).
- b).Dasar tidak campur tangan pihak kerajaan.Senario politik yang membenarkan kemasukan penghuni di atas tanah kerajaan dan seringkali mendapat perlindungan daripada ahli politik yang berkepentingan dan sesetengah agensi kerajaan. Fenomena ini wujud akibat daripada kelonggaran dasar penguatkuasaan dan kawalan ke atas tanah kerajaan.
- c).Tanah kosong dan terbiar yang tidak berpenghuni. Akibat daripada keadaan ini berlaku pencerobohan ke atas tanah ini oleh golongan yang tidak berkemampuan memiliki ataupun menyewa bagi membina rumah tanpa mengira status tanah tersebut. Keadaan ini kerap kali berlaku di kawasan pinggir bandar.

Faktor-faktor penggalak kepada pembinaan rumah bantu diri adalah berbeza mengikut negara. Keadaan pada tahun 60-an mempunyai pengaruh serong pada faktor-faktor yang tertentu. Ini telah dibahaskan kerana terdapat pengaruh lain seperti faktor skala pertumbuhan penduduk yang besar, pendapatan rendah dan kemiskinan (contoh: Calcutta, India), topografi (contoh: Caracas) dan polisi perbandaran (contoh: Hong Kong), (Turner, 1968).

Berhubung dengan perkara tersebut, model yang dibincangkan oleh Turner (1968) lebih memberi penekanan terdapatnya kekosongan tanah yang lebih relevan dengan permasalahan di Asia berbanding model-model lain. Contohnya di India, banyak